

[FOTO NAUFAL SHAMSUDDIN/BH]



Daing Nasir (berdiri, 15 dari kiri) bergambar sebelum Kejuhanan Golf Amal MyGift UMP di Mahkota Golf and Country Club (MGCC), semalam.

# UMP lulus biasiswa MyGift RM400,000

→ Pemberian bantu kurangkan beban kos pengajian pelajar

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bh.com.my

► Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meluluskan biasiswa berjumlah RM400,000 kepada pelajar berkelayakan menerusi program MyGift yang antaranya mampu mengurangkan beban dalam menanggung kos pengajian.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata biasiswa berkenaan diluluskan Lembaga Pemegang Amanah MyGift dan kumpulan pertama pelajar akan menerima surat tawaran pada pelancaran MyGift yang dijangka disempurnakan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah di Kuala Lumpur pada 1 Oktober depan.

Katanya, pada masa ini Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP sedang mengenal pasti pelajar untuk

menerima biasiswa berkenaan dan dua kriteria utama ditetapkan bagi pemilihan iaitu berprestasi tinggi dan kurang berkemampuan.

"Kita ada cara mengenal pasti mereka terutama menerusi pemeriksaan latar belakang keluarga supaya pelajar dipilih benar-benar kurang mampu dan patut mendapat bantuan bagi meningkatkan semangat.

### Tampung yuran pengajian

"Biasiswa itu adalah untuk menampung kos yuran pengajian dan perbelanjaan sara hidup sepanjang belajar di UMP, saya yakin ia dapat meringankan beban mereka," katanya kepada pemberita pada Kejuhanan Golf Amal UMP di Mahkota Golf and Country Club (MGCC) di sini, semalam.

Kejuhanan berkenaan adalah bagi mengumpul dana untuk tabung MyGift bagi membiayai biasiswa pelajar miskin di UMP. Sebelum ini ia

### Info

#### UMP

→ UMP menasaskan kutipan RM40 juta menjelang 2020 bagi program MyGift dengan sasaran sekurang-kurangnya RM8 juta.

→ Selain bantuan kewangan kepada pelajar miskin, MyGift juga menyediakan medium kepada penderma yang mahu menjalankan program keagamaan dan meningkatkan infrastruktur di UMP.

diadakan di Glenmarie Golf and Country Club, Selangor pada 3 September lalu.

Kira-kira RM500,000 berjaya dikumpul menerusi kejuhanan berkenaan yang mengatasi sasaran awal ditetapkan iaitu RM400,000.

### Kemudahan masyarakat

Daing Nasir berkata, MyGift diperkenalkan sebagai kemudahan kepada masyarakat, warga kampus, alumni serta pihak luar terutamanya industri atau syarikat untuk bersama mereka dalam menyokong budaya menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan.

"Program ini harus lestari dalam kerangka strategik yang terancang dan terarah bagi mengumpulkan sumbangan daripada pelbagai sumber untuk dimanfaatkan oleh universiti ini bagi tujuan tajaan pengajian dan peningkatan fasiliti dan kualiti akademik di UMP," katanya.